

# MAJU MUNDUR MASA DEPAN NEGARA TERLETAK UM 21 MAR 1988 DI TANGAN RAKYAT — PM

KUALA LUMPUR 20

Mac — **Datuk Sri Dr.**

Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, maju mundur masa depan negara terletak di tangan rakyat dan para pelabur asing akan lari manakala pengangguran pula akan meningkat jika rakyat berbilang kaum memilih untuk bersengketa antara satu sama lain. Perdana Menteri menegaskan dasar - dasar yang digubal oleh kerajaan adalah semata - mata untuk kebaikan rakyat dan negara tetapi kejayaannya bergantung kepada rakyat sendiri.

"Corak masa depan negara terletak di tangan saudara - saudara. Kalau kita suka melambatkan pembangunan itu juga terletak di tangan kita dan kalau saudara - saudara memilih untuk menunjuk perasaan negara bukan

sahaja tak akan stabil, malah, pelabur tak akan datang dan ramai lagi yang akan menganggur," kata beliau. Berucap di majlis penutup Lumba Jalan Kaki Perpaduan Rakyat di sini pagi ini, **Datuk Sri Dr. Mahathir** menegaskan, amatlah penting setiap orang menyedari bahawa corak masa depan negara terletak di tangan mereka. Oleh itu, kata beliau, untuk mencapai maksud tersebut,

perkara asas yang menjadi dasar utama ke arah ini ialah dengan memahami adat resam kaum lain dan mengamalkan sifat - sifat toleransi bagi mengelakkan ketegangan kaum. Menurut Perdana Menteri, toleransi adalah penting kerana negara ini mempunyai rakyat berbilang kaum dan kalau semua orang faham akan cara hidup jiran mereka

**LIHAT MUKA 6**

# MAJU MUNDUR NEGARA DITANGAN RAKYAT

MAR 1988

dari lain kaum, maka semua orang akan dapat menerima tentang realiti hidup di sebuah negara seperti ini.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak mahu melihat lebih ramai lagi rakyat menganggur tetapi kalau sekadar mempunyai pandangan dan cita - cita sahaja tidaklah mencukupi. Yang paling utama, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, ialah usaha ke arah itu dan perpaduan adalah salah satu punca yang boleh mengatasi masalah tersebut.

"Saya tidak suka melihat kita sesama sendiri saling dengki dan beriri hati. Marilah kita tolong - menolong antara satu sama lain kerana saya percaya orang Melayu boleh belajar sesuatu dari orang Cina atau India dan begitulah juga sebaliknya," tegas beliau.

Beliau menyeru semua pihak supaya mengkaji kelemahan diri masing - masing dan merumuskan

apakah tindakan yang perlu diambil kemudiannya.

"Semua kaum ada kelemahan dan kebaikannya. Malah saya sendiri ada kelebihan dan kelemahan dan janganlah kita sentiasa ingat bahawa diri kita sahaja yang betul seratus - peratus dan orang lain pula tak betul."

"Kalau kita berjaya memahami realiti ini maka kita boleh menerima hidup sebagai satu rakyat Malaysia yang mampu berdiri megah kepada dunia antarabangsa," kata beliau sambil diikuti dengan tepukan gemuruh daripada lebih 8,000 orang yang membanjiri Padang Merbuk pagi ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah kata, negara yang majoriti rakyatnya hanya terdiri dari satu kaum pun menghadapi masalah peperangan saudara, rusuhan sesama kaum tetapi kedudukan Malaysia adalah lebih baik dari itu jika semua orang mengamalkan sikap

toleransi.

Perdana Menteri menyoal, apakah rakyat mahu negara ketinggalan dalam arus pembangunan sedangkan kemajuan ekonomi negara tidak pun menyamai taraf yang dinikmati sekarang oleh Singapura, Taiwan ataupun Korea.

Kata beliau sejak akhir - akhir ini, rakyat tidak mempunyai banyak peluang untuk bersama - sama pada hujung minggu seperti acara sukan pada hari ini.

Beliau menyambut baik langkah sukan seperti lumba jalan kaki ini sebagai satu cara perpaduan di kalangan rakyat kerana ia akan mencerminkan sifat - sifat kerjasama.

"Saya mahu semua rakyat sedar bahawa mereka mempunyai hak - hak yang sama di antara satu sama lain dan contoh pada pagi ini adalah petanda baik untuk masa depan yang cerah dan harmoni," tegas Perdana Menteri.